



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 29 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI PANTAU ISU LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, NASIONAL, SH -12 MAFI PANTAU ISU LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	FAMA BANTU SELESAI ISU LAMBAKAN BUAH, UM -ONLINE FAMA DIGERAKKAN BANTU ATASI ISU LAMBAKAN BUAH, DALAM NEGERI, UM -13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	BUAH MELON MENJADI, REZEKI BERTAMBAH, DALAM NEGERI, UM -13 TUAI 2,000 BIJI TEMBIKAI WANGI DALAM TEMPOH DUA BULAN, NEGARA, KOSMO -14 MELAKA RAYU KEMENTERIAN BANTU PESAWAH TERJEJAS BAH, NASIONAL, BH -18 DERITA LARA PESAWAH DI MELAKA, HM -ONLINE NIK ZALINA BERKAWAN DENGAN KELULUT, PENCETUS INSPIRASI, UM -17 LEBAH KELULUT SAHABAT NIK ZALINA, PENCETUS INSPIRASI, UM -18 JUICY POTENTIAL IN PREMIUM PRODUCE, MUKA DEPAN, THE STAR -1 CAPITALISING ON AGROFOOD MARKET OPPORTUNITIES, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

MAFI pantau isu lambakan hasil pertanian

TUMPAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa melakukan pemantauan berkait isu lambakan bahan mentah pertanian terutama buah-buahan di negara ini sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pemantauan itu bagi mengelakkan petani berdepan masalah memasarkan produk keluaran mereka.

“Jika ada lambakan, kita akan terus turun untuk membantu dengan mengerah segala kepakaran yang ada di MAFI,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika meninjau agihan makanan kepada penduduk di Kepulauan

Tumpat yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), di sini pada Jumaat.

Menurutnya, MAFI sentiasa mencari alternatif terbaik dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Beliau berkata, pelbagai program disediakan MAFI dalam membantu golongan petani yang terjejas bagi memastikan beban dipikul itu berjaya dikurangkan.

Dalam pada itu, Che Abdullah berkata, MAFI memberi jaminan bekalan makanan sepanjang tempoh PKP 3.0 adalah mencukupi.

“Rakyat tidak perlu khawatir kerana semua rantai makanan negara bergerak seperti biasa bagi menampung permintaan sepanjang tempoh tersebut,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI pantau isu lambakan hasil pertanian



Che Abdullah (tengah) menunjukkan barangan makanan yang akan diagihkan kepada penduduk di PKPD Kepulauan Tumpat.

TUMPAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa melakukan pemantauan berkait isu lambakan bahan mentah pertanian terutama buah-buahan di negara ini sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pemantauan itu bagi mengelakkan para petani berdepan masalah untuk memasarkan produk keluaran mereka.

"Jika ada lambakan, kita akan terus turun untuk membantu dengan mengerah segala kepakaran yang ada di MAFI," katanya kepada pemberita ketika meninjau agihan makanan kepada penduduk di Kepulauan Tumpat yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), di sini pada Jumaat.

Menurutnya, MAFI sentiasa mencari alternatif terbaik dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Beliau berkata, pelbagai program disediakan MAFI dalam membantu golongan petani yang terjejas bagi memastikan beban dipikul itu berjaya dikurangkan.

Che Abdullah berkata, MAFI memberi jaminan bekalan makanan sepanjang tempoh PKP 3.0 adalah cukup.

Katanya, rakyat tidak perlu kuarat kerana semua rantai makanan negara bergerak seperti biasa bagi menampung permintaan sepanjang tempoh tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

FAMA bantu selesai isu lambakan buah



CHE Abdullah Mat Nawi (kiri) membantu mengagihkan bekalan makanan kepada penduduk di PKPD Kepulauan Tumpat, Kelantan hari ini. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

TUMPAT: Beberapa pendekatan diambil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menangani isu lambakan hasil pertanian seperti buah-buahan yang gagal dipasarkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, antaranya menggerakkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semaksimum mungkin untuk membantu petani terbabit.

“Agensi itu memainkan peranan membeli hasil pertanian yang dikeluarkan petani-petani yang terjejas sebelum memasarkannya ke seluruh negara secepat mungkin.

“Selain itu, kita turut bantu petani mencari pembeli sendiri dengan cara mengatur pertemuan mereka dengan pemain-pemain industri yang berpotensi untuk membeli hasil tanaman masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau agihan makanan kepada penduduk di Kepulauan Tumpat, di sini yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sehingga 4 Jun depan.

Terdahulu, akhbar ini pernah melaporkan keluhan petani terutama penanam tembikai yang teruk terkesan apabila hasil tanaman mereka tidak laku dijual dalam tempoh PKP yang sudah berlarutan lebih sebulan di Kelantan.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berharap para petani memanfaatkan sebaik mungkin agensi-agensi serta jabatan kerajaan untuk menyalurkan masalah dan meminta khidmat nasihat bagi mengatasi perkara itu.

Katanya, di peringkat kementerian pula, pihaknya sentiasa ‘berjalan’ untuk melihat dan mencari alternatif terbaik dalam membantu rakyat yang terkesan.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, bekalan makanan sepanjang tempoh PKP 3.0 mencukupi dan rakyat tidak perlu khuatir kemungkinan berdepan masalah terputus bekalan.- UTUSAN ONLINE

Buah melon menjadi, rezeki bertambah

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamula.com.my

GUA MUSANG: Usaha dua rakan karib menanam 1,000 pokok melon atau tembikai wangi secara fertigasi berbaloi apabila tanaman itu kini sudah boleh dituai dengan hasil mencecah empat tan metrik.

Sufian Ahmad, 46, dan Mohd. Zahid Mohd. Yaacob, 38, menanam pokok melon di atas tanah seluas 0.4 hektar berhampiran rumah mereka di Taman Agropolitan Rantau Manis, di sini sejak dua bulan lalu.

Mereka berdua merupakan kakitangan Kesedar Perkilangan Sdn. Bhd. dan aktiviti tersebut sekadar dilakukan secara separuh masa iaitu selepas tamat waktu bekerja dan pada hujung minggu sebagai pendapatan sampingan.

Kepada *Utusan Malaysia*, Sufian berkata, sebelum ini mereka menanam mentimun, petola dan cili namun sepanjang musim pandemik, pasaran sayuran terjejas menyebabkan mereka beralih kepada buah melon.

"Tempoh matang pokok melon sebelum dituai antara 60 hingga 75 hari. Dengan tanaman yang kami usahakan sekarang,

“Selain kurang penjagaan, satu lagi kelebihan teknologi sistem fertigasi ialah tanaman diusahakan tanpa tanah, sebaliknya dalam polibeg berisi sabut kelapa.”

SUFIAN AHMAD

kami dapat tuai kira-kira 2,000 melon dengan berat purata satu hingga dua kilogram sebiji.

"Buah melon dijual pada harga pasaran semasa iaitu RM8 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Mohd. Zahid pula berkata, menerusi teknologi fertigasi, tanaman melon tidak memerlukan penjagaan rapi kerana mereka memperuntukkan masa selama dua jam sahaja sehari.

"Sebelum berjinak-jinak dengan teknologi fertigasi ini,



SUFIAN Ahmad (kanan) dan Mohd. Zahid Mohd. Yaacob menunjukkan buah melon yang diusahakan mereka di Taman Agropolitan Rantau Manis, Gua Musang, Kelantan semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

kami mendapat khidmat nasihat daripada agensi-agensi termasuk Jabatan Pertanian dan petani-petani yang sudah biasa dengannya.

"Selain kurang penjagaan,

satu lagi kelebihan teknologi sistem fertigasi ialah tanaman diusahakan tanpa tanah, sebaliknya dalam polibeg berisi sabut kelapa," katanya.

Mengakui pasaran tidak seran-

gak dulu ekoran seluruh negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dua sahabat itu mengambil inisiatif menjual buah secara penghantaran turai (COD) di sekitar Gua Musang.

FAMA digerakkan bantu atasi isu lambakan buah

TUMPAT: Beberapa pendekatan diambil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menangani isu lambakan hasil pertanian seperti buah-buahan yang gagal dipasarkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, antaranya menggerakkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semaksimal mungkin untuk membantu petani terbahit.

"Agensi itu memainkan peranan membeli hasil pertanian yang dikeluarkan petani-petani yang terjejas sebelum memasarkannya ke seluruh negara secepat mungkin.

"Selain itu, kita turut bantu petani mencari pembeli sendiri dengan cara mengatur pertemuan mereka dengan pemain-pemain industri yang berpotensi untuk membeli hasil tanaman masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



CHE Abdullah Mat Nawi (kiri) membantu mengagihkan bekalan makanan kepada penduduk di PKPD Kepulauan Tumpat, Kelantan semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

pada pemberita selepas meninjau agihan makanan kepada

penduduk di Kepulauan Tumpat, di sini yang sedang menjalani

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sehingga

4 Jun depan.

Terdahulu, akhbar ini pernah melaporkan keluhannya petani terutama penanam tembikai yang terkejut apabila hasil tanaman mereka tidak laku dijual dalam tempoh PKP yang sudah berlarutan lebih sebulan di Kelantan.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berbarap para petani memanfaatkan sebaik mungkin agensi-agensi serta jabatan kerajaan untuk menyalurkan masalah dan meminta khidmat nasihat bagi mengatasi perkara itu.

Katanya, di peringkat kementerian pula, pihaknya sentiasa 'berjalan' untuk melihat dan mencari alternatif terbaik dalam membantu rakyat yang terkesan.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, bekalan makanan sepanjang tempoh PKP 3.0 mencukupi dan rakyat tidak perlu kluar kemungkinan berdepan masalah terputus bekalan.

Tuai 2,000 biji tembikai wangi dalam tempoh dua bulan



MOHD. ZAHID (kiri) dan Sufian menunjukkan buah tembikai wangi yang sudah masak di Taman Agropolitan Rantau Manis, Gua Musang semalam.

GUA MUSANG – Berkat usaha dua rakan karib yang menanam 1,000 pokok tembikai wangi secara fertigasi membuahakan hasil apabila buah itu mampu dituai sehingga lebih empat tan metrik dalam tempoh dua bulan.

Sufian Ahmad, 46, dan Mohd. Zahid Mohd. Yaacob, 38, mengusahakan tanaman itu secara separuh masa di kawasan tanah seluas 0.4 hektar berhampiran rumah mereka di Taman Agropolitan Rantau Manis di sini.

Menurut Sufian, mereka berdua adalah kakitangan di Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesesdar) Perkilangan Sdn. Bhd. di sini menumpukan akti-

viti penanaman buah itu selepas habis waktu pejabat dan hujung minggu.

"Sebelum ini, kami mengusahakan sayur-sayuran seperti timun, petola dan cili di tanah itu, namun pasarnya terjejas ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan kami beralih kepada tanaman buah tembikai wangi.

"Tempoh matang pokok itu antara 60 hingga 75 hari sebelum hasilnya boleh dituai," katanya ketika ditemui Kosmo semalam.

Sufian memberitahu, mereka dapat menuai hasil kira-kira 2,000 biji dengan purata setiap biji seberat antara satu hingga

dua kilogram.

Sementara itu, Mohd. Zahid berkata, penjagaan buah tembikai wangi juga mudah dan hanya memerlukan masa selama dua jam sehari untuk menjaga tanaman itu.

Katanya, berbekalkan teknologi sistem fertigasi, tanaman tersebut dapat diusahakan tanpa tanah kerana dilakukan dalam polibeg berisi sabut kelapa.

"Buah ini dijual pada harga bermula RM8 sekilogram. Kami juga membuat jualan buah secara tunai semasa hantar (COD) di sekitar daerah Gua Musang bagi memudahkan orang ramai membelinya ketika PKP," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Melaka rayu kementerian bantu pesawah terjejas bah

Melaka: Kerajaan negeri merayu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membantu pesawah yang terjejas akibat banjir pada pertengahan bulan ini, yang menjejaskan pembekalan bahan makanan asasi penduduk di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee, berkata kerajaan negeri tiada peruntukan bagi membantu pesawah terba-bit dan akan mengemukakan rayuan kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I yang juga Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah berhubung perkara itu.

Susulan itu, beliau meminta pesawah mengemukakan laporan polis mengenai banjir di sawah masing-masing dan bukti pemilikan tanah kepadanya untuk dikemukakan kepada kementerian itu.

“Saya akan berusaha membantu pesawah terjejas akibat banjir baru-baru ini untuk mendapatkan bantuan kewangan supaya mereka dapat meneruskan kerja penanaman padi di kawasan masing-masing,” katanya.

BH sebelum ini melaporkan 20 pesawah di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah, Tanjung Kling di sini, kerugian kira-kira RM150,000 selepas sawah seluas kira-kira 60 hektar musnah akibat banjir.

Air yang naik setinggi kira-kira 0.9 meter mulai jam 7 pagi pada 16 Mei lalu dan surut petang kesokannya menyebabkan anak padi yang

baru berusia tiga minggu musnah sama sekali.

Pesawah mendakwa, bencana alam itu adalah yang terburuk sejak lebih tujuh tahun lalu dan menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi untuk memulakan semula proses penanaman padi.



Norhizam Hassan Baktee

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Derita lara pesawah di Melaka



MOHD Idris menyembur racun siput gondang ke dalam sawahnya di Kampung Paya Luboh, Tanjung Kling. FOTO Hassan Omar

Melaka: "Apalah nasib kami....benih padi ditabur sebaliknya dihanyutkan banjir baru-baru ini," ujar pesawah di Kampung Paya Luboh, Tanjung Kling, di sini, Mohd Idris Mustafa, 64.

Susulan itu dia terpaksa mengeluarkan kos tambahan bagi membajak semula tanah seluas 1.2 hektar yang ditenggelami banjir pada 16 Mei lalu.

"Kami amat berharap kerajaan dapat membantu kerana industri penanaman padi tidak membawa keuntungan terlalu besar. Namun kami tetap mengerjakan sawah kerana ia sudah menjadi darah daging sejak zaman nenek moyang kami," katanya ketika ditemui di kampung itu tadi.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, kerajaan negeri merayu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membantu pesawah di Melaka yang terjejas akibat banjir pada pertengahan bulan ini.

"Ia penting bagi membantu pesawah meneruskan industri penanaman padi yang memberi kesan kepada bekalan bahan makanan asasi penduduk di negeri ini.

"Kerajaan negeri tiada peruntukan bagi membantu pesawah terbabit tetapi saya akan mengemukakan rayuan kepada kementerian itu," katanya.

Menurutnya, dia akan mengemukakan perkara itu kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 yang juga Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah bagi membolehkan pesawah menikmati bantuan kewangan.

"Saya sedaya upaya membantu untuk mendapatkan bantuan bagi pesawah yang terjejas akibat banjir baru-baru ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta pesawah mengemukakan laporan polis berhubung banjir yang melanda selain bukti pemilikan tanah kepadanya untuk dikemukakan kepada kementerian itu.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seramai 20 pesawah di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah, Tanjung Kling di sini, kerugian kira-kira RM150,000 selepas sawah seluas kira-kira 60 hektar musnah akibat banjir.

Air yang naik setinggi kira-kira 0.9 meter mulai jam 7 pagi pada 16 Mei lalu dan surut mulai petang keesokannya menyebabkan anak padi yang baru berusia tiga minggu musnah sama sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	PENCETUS INSPIRASI	17

PENCETUSINSPIRASI

SABTU • 29 MEI 2021

Utusan
Malaysia

seri

NIK ZALINA BERKAWAN DENGAN KELULUT

Pengusaha madu kelulut, Nik Zalina Nik Mohamed memulakan perusahaannya itu dengan dua log yang dihadiahkan suami, Jiman Hassan. Ketekunan mendorongnya menambah hingga kira-kira 218 log lagi untuk diusahakan secara serius. Kini beliau berbangga dengan pembukaan ladang kelulut di bawah jenama Wilalong Agro Farm.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	PENCETUS INSPIRASI	18

Lebah kelulut sahabat Nik Zalina

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediamulla.com.my

BERMULA dengan hanya dua log atau koloni yang menjadi tempat pembiakan lebah kelulut untuk dijadikan sebagai hobi masa lapang beberapa tahun lalu, kini seorang wanita boleh berbangga dengan pencapaian diri sendiri dalam bidang tersebut.

Mana tidaknya, Nik Zalina Nik Mohamed, 44, yang memulakan perusahaan itu dengan dua log yang dinahiahkan suami, Jiman Hassan tidak menyangka dapat menambah kira-kira 218 log lagi untuk diusahakan secara serius di Kampung Parit Tengah, Merlong.

Wajah ayu anak kelahiran Tumpat, Kelantan itu ternyata bukan calang-calang wanita kerana setiap hari dia bermain dengan gigitan lebah kelulut di ladangnya dalam daerah Batu Pahat, Johor.

Namun, ia tidak sedikit pun menakutkan dirinya kerana sudah sebatan dan menjadi sebahagian tugasnya untuk mengambil madu kelulut daripada koloni apabila telah sampai masanya untuk dituai.

Nik Zalina yang mengusahakan perniagaan diberi nama Wilalong Agro BFarm memberitahu, gigitan lebah kelulut bagaimanapun tidak seperti lebah biasa yang akan mendatangkan bisa kerana lebah itu hanya mengelilingi manusia apabila log dibuka bagi mengambil madunya.

"Kalau boleh cuba elakkan pakaian berwarna hitam kerana lebah kelulut ini gemar dengan warna tersebut, tetapi saya sudah lali dengan 'kerumunan' lebah-lebah ini"

termasuk di bahagian muka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Nik Zalina berbangga apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar juga pernah berkenan mendapatkan bekalan madu kelulut asli dari Wilalong Agro BFarm.

'PAKAR' DALAM TERNAKAN

Nik Zalina yang mengusahakan ternakan itu di kawasan lapang peninggalan ibu mertuanya, Sukinah Hasan berkata, memternak lebah kelulut tidak memerlukan kos penjagaan yang tinggi kerana pokok-pokok yang berada di sekeliling rumah merupakan sumber makanan yang baik bagi mengeluarkan madu kelulut apabila tiba masanya.

"Pokok-pokok seperti longan Brazil, duku, air mata pengantin, pokok akasia, pokok kuini selain bunga-bunga membantu lebah kelulut yang keluar pada waktu pagi bagi mencari makanan

BIODATA

Nama: Nik Zalina Nik Mohamed

Asal: Kelantan

Tarikh Lahir: 14 Januari 1977

Umur: 44 tahun

Alamat: Perusahaan Wilalong Agro BFarm, Kampung Parit Tengah, Merlong, Batu Pahat

Cawangan:

- Lot 3406, Bandar Baru Ibrahim Majid, Simpang Renggam, Kluang
- No 26 Jalan Jaya 2, Taman Jaya, Skudai, Johor Bahru
- No 2, Jalan Impian Emas 18, Taman Impian Emas, Skudai, Johor Bahru

Facebook: WILALONG AGRO BFARM

PENGUSAHA madu kelulut Wilalong Agro BFarm, Nik Zalina Nik Mohamed di Kampung Parit Tengah, Merlong. - **UTUSAN/ MUHAMMAD ZIKRI**



GAMBAR kenangan Nik Zalina Nik Mohamed bersama Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang pernah mendapatkan bekalan madu kelulut dari Wilalong Agro BFarm di Kampung Parit Tengah, Merlong.



sebelum pulang semula ke koloni masing-masing," ujarnya.

Ujar Nik Zalina, selain mencari makanan di kawasan sekitar, lebah kelulut juga bebas keluar mencari sumber itu di kawasan lebih jauh iaitu sehingga satu kilometer dan pulang semula ke koloni tanpa sebarang masalah.

Jelas beliau, setiap koloni pula mampu menempatkan kira-kira 300 hingga 400 ekor lebah kelulut bergantung kepada keluasan yang dibuat

bagi memudahkan kerja-kerja mengeluarkan madu.

"Satu peralatan khas direka bagi mengeluarkan madu-madu sebelum dibotolkan mengikut saiz tertentu dengan pengeluaran dalam sebulan dianggarkan sebanyak 20 kilogram atau lebih bergantung kepada keaktifan madu kelulut," katanya.

KHASIAT MADU LEBAH KELULUT

Menceritakan lebih lanjut, ujar wanita itu, madu kelulut memiliki pelbagai nama lain seperti madu meliponine, stingless bee honey



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	PENCETUS INSPIRASI	19

(SBH) atau madu lebah tanpa sengat, pot-honey dan madu lebah Trigona.

"Madu jenis ini memiliki potensi besar untuk dikembangkan dalam keperluan perubatan moden.

"Komposisi madu kelulut terdiri daripada gula dalam bentuk fruktosa dan glukosa, asid organik, sebatian fenolik seperti asid fenolik dan flavonoid, asid amino, enzim, vitamin dan mineral," jelasnya.

Kandungan polifenolik (antioksidan) dalam madu kelulut kata Nik Zalina juga, adalah 10 kali ganda lebih tinggi berbanding madu lebah biasa, selain ia amat berpotensi bagi mencegah penyakit-penyakit kronik.

"Khasiat sebagaimana kajian yang dilakukan adalah penyembuhan luka semula jadi serta baik untuk merawat penyakit kencing manis, sakit mata, bersifat anti kanser dan baik untuk kesuburan selain berupaya mengurangkan berat badan.

"Selain itu, khasiat madu kelulut ini juga diyakini boleh mencegah jangkitan bakteria, menjadi pelembap semula jadi dan baik untuk kecerdasan otak," kata Zalina yang dibesarkan di Bentong sebelum berhijrah mengikut suami ke Johor.

PERLU BERTAHATI-HATI ELAK RATU DAN TENTERA MERAJUK

Dalam setiap koloni atau log ujar Nik Zalina, ia akan didiami oleh ratu, askar, pengawal serta lebah-lebah kelulut yang ditugaskan untuk mengeluarkan madu serta menunjukkan 'disiplin' yang tinggi.

Katanya, pengalaman setiap hari bersama lebah-lebah kelulut



telah memahirkannya untuk 'memecahkan' koloni yang dilihat sudah padat dengan lebah-lebah untuk dipindahkan ke tog yang lain.

Menurut Nik Zalina, kerja-kerja tersebut perlu dilakukan dengan berhati-hati bagi mengelakkan ratu atau tenteranya 'merajuk' yang menyebabkan usaha bagi memindahkannya tidak berjaya jika kurang berpengalaman.

"Setakat ini saya telah berjaya memecahkan 20 koloni untuk dipindah kepada koloni yang baru," jelasnya yang turut menghadiri pelbagai kursus anjuran Pejabat Pertanian, Pejabat

NIK Zalina Nik Mohamed (Uga kiri) memberikan penerangan kepada pengunjung yang datang ke perusahaan madu kelulutnya.



Daerah, Pejabat Peladang dan agensi-agensi lain.

Katanya lagi, selain pembacaan di media, beliau juga mengadakan lawatan ke lokasi ternakan madu kelulut yang lain bagi menimba pengalaman berkaitan ternakan lebah kelulut yang memerlukan minat dan kesungguhan yang tinggi.

"Ini termasuklah mengenal pasti musuh-musuh seperti cicak, semut, katak dan burung layang-layang atau walit yang boleh menyebabkan kerosakan pada koloni sekaligus menjejaskan penghasilan madu kelulut," jelasnya.

Bagi mengelak serangan musuh-musuh tersebut, ujar Nik Zalina, koloni perlu dibina pada kedudukan lebih tinggi yang antara lain akan memudahkan kerja-kerja mengambil madu kelulut menggunakan sebuah mesin direka khas.

Selain itu, semburan racun yang tidak teratur mengikut waktu boleh menyebabkan lebah kelulut keluar dari tempatnya serta boleh menjejaskan kehidupannya dan kualiti madu yang dihasilkan.

Nik Zalina yang dibantu seorang pekerja menambah, sarang lebah kelulut yang biasanya dalam tunggul kayu hutan kini boleh dipelbagaikan kepada peti harta karun, beg lama, pasu bunga dan peralatan-peralatan lain.

PASARAN MADU KELULUT MEMBERANGSANGKAN

Ditanya mengenai pasaran madu kelulut, Nik Zalina memberitahu, bukan sahaja penduduk kampung yang datang ke tempatnya untuk membeli madu, bahkan masyarakat luar yang mengetahui kewujudan jualan madu kelulut di situ sering memenuhi Kampung Parit Tengah.

"Selain itu saya mengadakan kerjasama dengan agensi pelancongan di Johor Bahru yang membawa pelancong ke sini pada setiap hujung minggu bagi sama-sama melihat dengan lebih dekat madu kelulut dan merasai sendiri keasliannya," tambahnya.

Dengan menggunakan jenama Sukinah Hasan sempena nama ibu mertuanya, madu kelulut keluaran Wilalong Agro BFarm dijual dengan harga RM70 hingga RM80 sebotol.

Katanya, secara purata setiap koloni yang berharga antara RM450 hingga RM600 sebuah mampu menerima hasil sehingga RM1,200 bergantung kepada gred madu kelulut yang dituntut.


Walaupun belum pernah menerima apa-apa anugerah dari mana-mana pihak, namun kehadiran pelancong dan pelbagai jabatan dan agensi selain lawatan daripada Menteri dan Timbalan Menteri sebelum ini secara tidak langsung telah memperkukuh madu keluaran dari Wilalong Agro BFarm.



MADU kelulut memiliki pelbagai khasiat termasuk agen antioksidan.

“Kalau boleh cuba elakkan pakaian berwarna hitam kerana lebah kelulut ini gemar dengan warna tersebut...”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2021	THE STAR	MUKA DEPAN	1



Juicy potential in premium produce

Innovative local growers make headway in cultivating high-value agrofood like white strawberries and RM1,000 fish

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

THERE is a global demand for premium Malaysian agricultural products and this has been made apparent by the 11th Malaysia Plan (11MP) unveiled in 2015.

The plan not only highlighted that demand was rapidly increasing, but also that those in the fields of aquaculture, herbal products and edible birds nests stood to gain up to five times more in terms of revenue if they expanded in those sectors.

Additionally, agriculture was listed as one of the 12 key economic sectors that would drive the nation towards a high-income country status.

To realise the goal of doubling the national income from the agriculture sector to reach RM66.5bil by 2020, more than RM1.42bil was spent on 1,052 entry point projects just for the premium fruits and vegetables sector alone.

Of this number, 883 projects were privately funded.

In 2019, the Statistics Department revealed that contribution from the agriculture sector to the annual gross domestic product had surpassed the above-mentioned target, hitting RM101.5bil.

Entering premium sector

For one of the few growers in Cameron Highlands to successfully cultivate the white strawberry, numbers did not have anything to do with getting into the field.

Sure, the fruit can fetch as much as RM80 to RM100 per kilogramme, but Damon Wong, 31, started experimenting with white strawberry seeds from Japan at his family-owned farm in 2016 to impress his wife.

"She did not like sour strawberries, so I thought I would grow the white ones, which have a stronger fragrance," he said.

A year later, Damon found a market for his white strawberries at five-star hotels in Kuala Lumpur and Singapore.

Ripe for picking: Damon holding a box of freshly harvested white strawberries at his farm in Cameron Highlands. They are mixed with pink strawberries, which is another variety.

> TURN TO PAGE 3

Capitalising on agrofood market opportunities

> FROM PAGE 1

Encouraged by the response, the father of one began looking at other possibilities.

"I started working in Singapore after graduating with a business degree but my father (Wong Mang Hoo) asked me to come back, so I did.

"When I returned, one of the first things I noticed was that all the farmers were growing the usual type of vegetables, unlike Singapore, where one can easily find really unique vegetables at a premium price in the supermarkets.

"That was when I saw a business opportunity and started searching on the Internet for seed suppliers," said Damon.

His greatest challenge, however, was not in the cultivation process or finding a market for his products.

It was in convincing his father to accept new varieties on the farm. "Our farm sits on about roughly 4ha of land.

"But when I first started, my father was only willing to yield no more than 5% to me as a test site.

"Only when my vegetables started to grow well and his friends visited and were impressed by what they saw, did he have a change in mindset," Damon revealed.

Today, as marketing director of Natural Green Farm, he proudly discloses that there are some 50 types of vegetables from the European heirloom variety, such as black corn, Romanesco broccoli, purple and white capsicum as well as purple, orange and red cauliflower proliferating in the farm.

Embracing technology and marketing

Having successfully grown and sold some 200 musk melons grown from Arus seeds sourced from Japan, hydroponics and fertiliser expert Seh Cheng Slang, 40, agriculture engineer Mohd Sofian Ali, 47, as well as agrochemical and pest and disease management specialist Yeo Chen Swee, 51, made headlines earlier this year for growing the world's most expensive melons in Putrajaya.

The question most often asked in interviews with the trio?

"People were really interested to know what kind of fertiliser we used," the founders of Mono Premium Melon revealed.

In truth, there was no room for guesswork.

"It is all about technical know-how. Without it, the melons would



Seh (in front), Mohd Sofian (standing left) and Yeo with the musk melon vines growing in Putrajaya.

not have developed," said Seh.

Grown using a hydroponic autopot system, sensors attached to the main water and fertiliser dispenser enable the team to collect data needed for decision-making and the information can be viewed on their mobile phones.

"We know about everything that is happening on our farm.

"We are able to see the temperature, pH, humidity and water levels from the last one week or the last 12 hours.

"From this data, we are able to decide how much nutrition is needed for each plant.

"So, if I need to feed the plant more potassium on a given day, I can adjust it through my mobile phone or computer and the system at the farm will respond accordingly," Seh explained.

The musk melon project is not the trio's first attempt where agriculture technology is concerned.

Before this, they were in China, applying the same technology on a tomato farm in Yangling.

After the Covid-19 outbreak brought them back to Malaysia, they decided to put their knowledge on musk melons to good use, making it a showcase project.

In addition to technology, marketing was another area local growers needed to look into, said Yeo.

"At the moment, the majority of premium agricultural products are

still largely imported from countries like Japan and Australia. "There is still a huge vacuum to be filled by local growers.

"Does this mean that nobody can produce this kind of fruit within this quality range? Not necessarily so.

"Durlans are an example of what good marketing and packaging can do," he highlighted.

He cited the pink guava as another example.

"Now, most of them are imported but there was a time when they were grown and sold locally.

"I am sure that if more planning and effort are put into marketing this fruit, it can be a successful venture too," added Yeo.

Research to move forward

An *empurau* research and training facility in Tarat went to great lengths to be the first hatchery in Sarawak to acquire good aquaculture practice (MyGap) certification from the state Fisheries Department in January.

Borneo *Empurau* Farm Sdn Bhd general manager Elsie Kong revealed that in addition to setting up a RM400,000 examination lab for university students, the company had also flown in an expert from Taiwan to study the habitat of Malaysia's most expensive edible fish.

With an end goal to breed and eventually market *empurau* overseas commercially, Kong said employees were currently mapping the freshwater fish's DNA as a way of establishing authenticity.

Not a surprising move since the fish carries a hefty price tag of between RM800 and RM1,000 each, and that is just those within the 2kg category.

"Once we can establish the fish's DNA map, we will be able to provide solid proof of its authenticity by way of tagging and certification," she said.

The company embarked on the *empurau* project in 2015 and its original intention was quite different.

Its owner, Danik Yong Fook Heng, wanted it to be a place where his three grandchildren could learn how food was grown.

From a few small fish ponds, the place has since grown into a resort and vegetable farm that showcases planting methods such as aquaponics.

"Our main business is in tourism and the *empurau* project is our corporate social responsibility initiative.

"The species was chosen for its geographical indication.

"The project is not commercial yet but we are supporting other farmers," said Kong.

The *empurau* project had not



Employees tagging an *empurau* fish at the research and training facility in Tarat.

been an easy journey, she acknowledged.

"Wild *empurau* is not easy to breed as the fish fry has a low survival rate.

"You might have 100,000 eggs but in the end, we would be lucky to get 150 fry measuring about 5cm in length.

"It then takes another five years for the fish to grow to a size of 2kg," she elaborated.

In addition to research, the company is helping locals market freshly caught river fish on a profit-sharing basis as well as providing technical support to contract farmers who look after the *empurau* fry bred at the farm.

Last November, Agriculture and Food Industries Minister Danik Seri Dr Ronald Kinndee announced that the development of high-value vegetable and fruit commodities for domestic and export purposes for the crop industry would be part of the 12th Malaysia Plan.

This will be supported by technology, finance and human resources to strengthen the value chain of the agrofood sector to improve the country's self-sufficiency, especially for rice (75%) vegetables (70%) and meat (50%) by 2025.

Ronald said continuous efforts would be made to strengthen Malaysia as a major exporter of internationally competitive agro-food.

Ministry targets vaccinating 80% of KL folk by October

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

FEDERAL Territories Ministry aims to get 80% of the people in Kuala Lumpur vaccinated by October this year.

Its minister Tan Sri Annuar Musa said three vaccine trucks would be mobilised under the MyMedic@Wilayah programme to more than 60 neighbourhoods, especially People's Housing Projects (PPR), to achieve the target.

"Four more trucks will be added to the programme to assist in the inoculation process.

"These trucks will also help in the vaccination registration and consultation process, and this will kick off in two weeks' time.

"I am also in talks with private clinics to add seven more mobile vaccine trucks.

"We aim to have 80% of the city's residents inoculated as it is also the benchmark for herd immunity.

"We hope to vaccinate 4,000 to 5,000 people per day once it is fully rolled out," he said at a press conference after a site visit to Anjung Kelana (formerly known as Kuala Lumpur Transit Centre for the Destitute), Kuala Lumpur.

More than 100 homeless people were vaccinated at the site.

Annuar said the vaccination for the homeless initiative conducted by a mobile team would be a pilot study to improve the standard operating procedure (SOP) for the mobile vaccination programme.

"We can identify the amount of vaccine a truck can carry and address problems that arise during the registration process," he elaborated.

The ministry is working with Health Ministry to carry out the vaccination programme for the city's homeless.

The mobile vaccine programme under MyMedic@Wilayah is one of seven new approaches that are part of the Wilayah Cakna 5.0 Initiative.

Annuar said Kuala Lumpur City Hall (DBKL) would conduct free Covid-19 RTK-Antigen screening on 20,000 senior citizens and vulnerable individuals in the capital starting from the middle of June.

"Priority will be given to residents in enhanced movement con-

trol order locations.

"We also hope to vaccinate about 20,000 senior citizens and vulnerable groups through our mobile programme," he said.

While the first phase of vaccination for the homeless was conducted at Anjung Kelana, the remaining homeless will be inoculated in batches.

On a separate matter, Annuar said traders who registered under the Federal Territories Free Trading (Wilayah Bebas Berdagang) initiative would be exempted from licence fees until the year end.

"There were 7,842 applications and we approved 4,510 licences in Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan.

"The location of the stalls will

also be rearranged to avoid traders gathering at one spot," he added.

Other initiatives include SPM Mahir digital tutorial classes for all SPM candidates starting June 1, stricter SOP monitoring by DBKL as well as entrepreneurship courses for businessmen under the young entrepreneur programme.

Entrepreneurs in the Federal Territories can participate in Go-Commerce courses and apply for entrepreneurial aid under the National Economic Recovery Plan (Perjana).

They can also apply for special grants by Tekun Nasional and Bank Simpanan Nasional, Prihatin special grants as well as micro loans for those in the creative entrepreneur category.